



Keperluan dan bantuan untuk integrasi semula: Perspektif gelandangan bekas banduan di Kuala Lumpur

Mohd Alif Bin Jasni¹, Siti Hajar Abu Bakar Ah², Noralina Omar², Norruzeyati Che Mohd Nasir³

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation, & Persatuan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur

²Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

³Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Asian Research Institute for Governance

Correspondence: Mohd Alif bin Jasni (email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

Received: 03 March 2021; Accepted: 28 October 2021; Published: 30 November 2021

Abstrak

Setiap tahun, ratusan ribu banduan dibebaskan tanpa sebarang perkhidmatan sambungan dari Jabatan Penjara Malaysia. Bantuan yang diberikan menerusi program parol dan rumah perantaraan yang hanya dapat dinikmati oleh segelintir bekas banduan yang menjadikan majoriti bekas banduan dibebaskan tanpa sebarang bantuan. Keadaan ini menjadikan mereka terpaksa berintegrasi semula dengan menggunakan usaha sendiri. Keadaan ini membuatkan keperluan melaksanakan kajian ini untuk mengenalpasti bantuan yang diterima oleh gelandangan bekas banduan dan keperluan yang diperlukan untuk mereka keluar dari kehidupan jalanan. Sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah fenomenologi dengan menemubual 15 orang informan gelandangan bekas banduan telah dilakukan. Hasil kajian menunjukkan majoriti informan yang menyatakan ketiadaan sebarang bantuan daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia. Mereka memohon bantuan terutama dari Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi telah dirumitkan dengan ketiadaan kad pengenalan, birokrasi, dan dokumen-dokumen seperti sijil lahir. Kajian telah mengenalpasti beberapa bantuan yang boleh diperkenalkan oleh kerajaan untuk gelandangan bekas banduan agar mereka dapat keluar daripada kehidupan jalanan. Antaranya ialah pekerjaan, tempat tinggal, bantuan kewangan, penggantian kad pengenalan dan bimbingan agama. Keperluan untuk buat pihak kerajaan terutama Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjadi lebih cakna dalam mengenalpasti perkhidmatan yang boleh diberikan kepada gelandangan bekas banduan agar mereka dapat keluar daripada kehidupan di jalanan ini. Diharap dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai input dalam membentuk program bantuan dan sokongan lanjutan yang bersesuaian buat gelandangan bekas banduan.

Kata kunci: Bantuan, gelandangan bekas banduan, keperluan asas, pembebasan, perkhidmatan sosial, sokongan sosial.

The need and assistance for re-integration: The perspective of homeless former prisoners in Kuala Lumpur

Abstract

Thousands of prisoners are being released without extension of services from the Malaysian Prison Department annually. Parole programs and halfway houses often serve as the only form of aid to former prisoners as many of them are released without any proper assistance, forcing them to self-reintegrate into the society. Thus, a network of necessities is essential for this minority group of former prisoners to successfully reintegrate into society and prevent them from being homeless. This motivates the present study to identify the assistance received by homeless former prisoners alongside any additional necessities that they require for reintegration. Adopting a qualitative approach, the current study utilises the phenomenology method where an interview was conducted among 15 former prisoners who are homeless. The results of the study showed that the majority of informants stated that there was no assistance from the Malaysian Prisons Department. Applying for basic aids from Baitulmal and the Malaysian Department of Social Welfare proved to be tedious and difficult as they are faced with several obstacles such as the absence of national identity cards and evidence of important documents such as birth certificates. The issue of bureaucracy also proves to be a major challenge in the application process. Additionally, this study puts forth possible solutions for the government in resolving the issue of homeless former prisoners which includes employment, housing, financial assistance, identity card replacement and religious guidance. There is a strong need for the government, especially the Malaysian Prison Department and the Department of Social Welfare Malaysia to collaborate and ensure the provision of necessary services for former prisoners. Overall, this study provides useful insights into the formation of relevant strategies and support programs required for the reintegration of former prisoners as a fully functional member of the society.

Keywords: Assistance, homeless former prisoners, basic needs, release, social services, social support.

Pengenalan

Setiap bekas banduan yang dibebaskan mengalami cabaran dan pengalaman yang berbeza-beza. Terkini, laporan Jabatan Penjara Malaysia (2020) menunjukkan sebanyak 141, 636 orang dibebaskan dalam tempoh tiga tahun. Ketiadaan sistem sokongan material, psikologi dan sosial ketika bekas banduan dibebaskan menyebabkan mereka mengalami masalah untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat dan menjadikan mereka terpaksa menjadi gelandangan di jalanan (Brown, 2016; Jasni, Ah, & Nasir, 2020, 2021; Johnson & Moschion, 2019; O'Donoghue, 2018). Atas sebab ini, sistem keadilan jenayah di kebanyakan negara maju telah mula mengiktiraf kepentingan integrasi semula bekas banduan dalam membantu proses peralihan ke dalam kehidupan berk komuniti dan sekaligus dapat mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan bekas banduan ini (Petersilia, 2009) dan mengelakkan mereka untuk terjerumus dalam kehidupan gelandangan. Pelbagai cadangan bentuk perkhidmatan yang dapat disediakan kepada bekas banduan sepanjang dibebaskan (Cochran Mears, Bales, & Stewart, 2012). Seringkali keperluan

yang dibincangkan adalah seperti tempat tinggal, peluang pekerjaan, pakaian, makanan, kaunseling, rawatan kesihatan dan ketagihan dadah. Penelitian dengan terperinci tentang keperluan asas yang diperlukan oleh gelandangan bekas banduan membolehkan pemahaman lebih lanjut tentang kelompok ini dan berusaha untuk menterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk program dan perkhidmatan tambahan sepanjang mereka dibebaskan.

Sebuah program intervensi yang efektif harus diperkenalkan dalam membantu bekas banduan mengintegrasikan diri mereka ke dalam kehidupan berk komuniti, dan juga untuk mengelak dari mereka gagal untuk berintegrasi semula dan menjadi gelandangan. Matlamat program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan diukur menerusi kadar kegagalan berintegrasi yang berlaku di dalam sesebuah negara. Kegagalan berintegrasi semula boleh dalam bentuk pengulangan jenayah yang berterusan atau jumlah bekas banduan yang berakhir hidup menjadi gelandangan (Williams & Stickley, 2011). Sebuah strategi integrasi semula yang berjaya perlu mengenalpasti jenis bantuan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh gelandangan bekas banduan ini untuk keluar daripada kehidupan di jalanan. Penelitian teliti terhadap isu sosial ini akan dilakukan bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian berikut; i) Apakah bentuk sistem sokongan dan bantuan lanjutan yang diterima bekas banduan yang hidup sebagai gelandangan?; ii) Apakah intervensi dan bantuan yang diperlukan oleh gelandangan bekas banduan di Malaysia?

Sorotan literatur

Keperluan asas dan gelandangan bekas banduan

Kegagalan bekas banduan dan berakhir menjadi gelandangan adalah sering berpunca daripada kesukaran mencapai keperluan asas dalam hidup. Hal ini kerana setiap individu memerlukan keperluan asas sebagai sumber penting dalam mencapai kesejahteraan fizikal. Menurut Emmerij (2010), terdapat satu rangkaian tradisi keperluan asas yang diperlukan sebagai keperluan minimum dalam hidup seperti makanan, air dan tempat tinggal. Namun demikian, senarai terbaharu yang telah berkembang yang melibatkan penjagaan kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan sanitasi. Senarai terkini yang lebih komprehensif ini telah dibentuk bagi mewakili gambaran yang lebih menyeluruh mengenai perkara yang diperlukan oleh seseorang dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Menurut Travis (2004), salah satu penentu utama sama ada bekas banduan yang kembali dapat mewujudkan gaya hidup konvensional adalah dengan memenuhi keperluan material ini. Keperluan material di sini merujuk kepada akses kepada tempat tinggal, pakaian, pekerjaan, kewangan dan sebagainya. Untuk bekas banduan, setiap kali dibebaskan, mereka mempunyai satu rangkaian bentuk keperluan asas segera yang diperlukan dalam menghadapi proses integrasi semula ini. Keperluan asas segera ini merupakan keperluan-keperluan penting yang perlu diperoleh oleh bekas banduan seurus dibebaskan dari penjara. Sebab utama jurang dalam pengetahuan tentang bekas banduan disebabkan oleh kelompok ini sukar untuk dikenalpasti dan dikaji. Bekas banduan sering tidak hadir dalam kaji selidik yang berskala besar kerana mereka biasanya dikecualikan daripada persampelan set data sains sosial (Harding, Wyse, Dobson & Morenoff, 2014). Menurut Cullen (2012), sebahagian cabaran ini adalah bertujuan untuk mengenali kesukaran dan keperluan yang dihadapi oleh bekas banduan bagi mengarahkan usaha pemulihan kepada mereka.

Perbincangan mengenai keperluan asas hidup untuk bekas banduan sering menjadi isu yang kompleks kerana ketiadaan garis panduan yang jelas tentang keperluan bekas banduan. Namun berdasarkan laporan yang dibuat oleh Prison Fellowship (2017), keperluan bekas banduan boleh dikelompokkan kepada dua iaitu keperluan asas segera (immediate) dan keperluan asas berterusan (ongoing). Laman sesawang Prison Fellowship (2017) merupakan satu-satu laman sesawang yang menulis dengan jelas tentang bentuk keperluan asas yang diperlukan bekas banduan. Malangnya, laporan tentang keperluan asas bekas banduan itu ditulis secara umum tanpa penjelasan yang terperinci. Kekurangan kajian lepas yang menjelaskan dengan mendalam bentuk-bentuk keperluan asas bekas banduan ini menyebabkan kajian perlu mengambil contoh daripada kajian-kajian yang membincangkan tentang gelandangan, penagih dadah dan golongan sasaran lain yang bersesuaian.

Begitu juga dalam konteks tempatan, masih belum ada usaha dalam mengenalpasti secara spesifik apa sebenarnya menjadi keperluan asas buat bekas banduan gelandangan. Jangkaan pengkaji untuk mengenalpasti keperluan-keperluan asas lain yang diperlukan di dalam konteks tempatan menerusi kajian yang dijalankan. Hal ini penting bagi mengetahui perkara yang diperlukan oleh bekas banduan dan perkhidmatan yang mampu disediakan oleh kerajaan serta badan bukan kerajaan ini kepada mereka. Kedua-dua perkara ini perlu dilaksanakan agar selari bagi mencapai aspirasi yang sama di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Bantuan dan perkhidmatan sosial

Persoalan asas yang sering dimainkan adalah bilakah masa yang sesuai untuk melaksanakan program integrasi semula buat bekas banduan? Ada pendapat yang mengatakan proses integrasi semula boleh berlangsung sebaik sahaja bekas banduan dibebaskan, manakala pada masa sama terdapat juga pandangan yang mengatakan sesuatu program atau proses integrasi semula tidak boleh dirujuk sebagai integrasi semula selagi tidak melebihi setahun dari tempoh pelepasan (Thompson, 2010). Persoalan lain yang juga dilihat sebagai kritikal adalah aksesibiliti bekas banduan terhadap perkhidmatan sosial. Keadaan hidup gelandangan bekas banduan yang rumitkan telah menyebabkan mereka berterusan hidup di jalanan tanpa mendapat sebarang bantuan dan perkhidmatan dari kerajaan. Tempoh masa menjadi gelandangan yang berpanjangan menjadikan kehidupan mereka sangat destruktif dan menyedihkan (Jasni, Ah, Yusoff, Shahid, Omar, & Azman, 2018). Sedangkan bekas banduan memerlukan pelbagai jenis perkhidmatan sosial ketika proses integrasi semula (Wheeler & Patterson, 2008). Sebuah kajian yang terperinci harus dijalankan dalam meneroka kehendak dan keperluan mereka untuk membantu mereka keluar daripada kehidupan gelandangan. Penerokaan secara mendalam tentang keperluan ini membolehkan perangkaan sebuah program yang bersesuaian mengikut keperluan mereka.

Apabila banduan telah melengkapkan hukuman mereka, sebilangan besar tidak dipersiapkan dengan kemahiran yang bersesuaian untuk memasuki pasaran kerja. Hal ini disebabkan oleh kursus kemahiran (program kemahiran vokasional menerusi Program Pembangunan Insan) yang disediakan kepada Pihak Jabatan Penjara Malaysia didapati masih belum cukup bersesuaian dengan pasaran kerja semasa. Bekas banduan menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan dan menghalang prospek pekerjaan mereka (Atkin & Armstrong, 2011). Selalunya, penghuni penjara menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan peluang pekerjaan, akses kepada tempat tinggal, dan sokongan sistem kekeluargaan. Kesemua ini merupakan faktor penting kepada kejayaan integrasi semula yang berjaya (Bales & Mears, 2008). Walau bagaimanapun, salah satu masalah yang paling mendesak yang dihadapi oleh

bekas banduan apabila dibebaskan dan integrasi semula adalah kekurangan penyediaan pelepasan disediakan oleh institusi (Gideon, 2007),

Hampir tiada perhatian yang komprehensif telah dibentuk oleh pembuat dasar untuk berurusan dengan bekas banduan dalam membantu perjalanan proses integrasi semula mereka. Kegagalan bekas banduan untuk berintegrasi semula sehingga terpaksa menjadi gelandangan di jalanan membawa kepada persoalan besar dalam diri pengkaji untuk mengetahui tentang keperluan asas yang diperlukan oleh bekas banduan ini. Pengkaji melihat momentum yang perlahan dalam membina kolaborasi antara pengamal dan pembuat dasar untuk pembentukan strategi perkhidmatan lanjutan yang membantu bekas banduan untuk menjadi berjaya selepas dibebaskan. Bekas banduan yang kembali sering memerlukan bantuan dengan isu-isu asas kehidupan harian (iaitu, mendapatkan perumahan, pendidikan, pekerjaan, pengangkutan, dan dokumentasi peribadi) (Luther, Reichert, Holloway, Roth, & Aalsma, 2011). Keadaan ini menjadikan kajian ini sangat penting untuk mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh gelandangan bekas banduan agar mereka dapat berjaya berintegrasi semula dan keluar daripada kehidupan jalanan.

Metodologi kajian

Reka bentuk kajian

Pada September 2020, sebuah kajian kualitatif telah dipilih untuk memberi tumpuan kepada pengalaman hidup bekas banduan yang tinggal secara gelandangan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bantuan dan sokongan yang diterima oleh bekas banduan dan keperluan asas yang diperlukan oleh bekas banduan untuk keluar daripada kehidupan jalanan.

Teknik pengumpulan data

Kajian ini akan menggunakan kaedah fenomenologi. Dalam kajian fenomenologi, pengkaji boleh melakukan banyak temubual (utama) terbuka secara mendalam untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat (pengalaman) dari peserta (beberapa peserta), biasanya antara 5 hingga 25 untuk tema umum. Memandangkan sampel yang sukar dicapai menyebabkan pengkaji telah memilih untuk menggunakan beberapa teknik persampelan; iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji. Kajian ini telah menemubual seramai 15 orang bekas banduan sehingga mencapai ketepuan yang diperlukan. Ciri inklusif yang ditetapkan adalah mempunyai rekod pemenjaraan, tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap dan merupakan warganegara Malaysia. Kajian ini akan menggunakan temubual separa berstruktur. Proses temu bual telah dijalankan di Pertubuhan Kebajikan Kuala Lumpur Ar-Riqab. Memandangkan tempoh penyelidikan di jalankan ketika pandemik Covid-19 melanda negara, pengkaji membuat semakan suhu serta bertanya tentang simptom-simptom seperti demam, selsema dan batuk sebelum menjalankan sesi temu bual. Pengkaji hanya meneruskan sesi temu bual apabila informan menunjukkan tanda bebas daripada sebarang simptom yang ditetapkan. Malahan sebelum menjalankan temu bual, pengkaji memaklumkan kepada para informan tentang objektif kajian, hak informan seperti boleh mengundurkan diri sepanjang temu bual dijalankan, boleh memilih untuk tidak menjawab mana-mana soalan yang dirasakan kurang selesa dan memberitahu bahawa sesi rakaman akan direkodkan. Pengkaji juga turut memaklumkan bahawa hasil kajian akan

digunakan untuk tujuan akademik dan nama mereka akan dirasiahkan dan digantikan dengan nama samaran bagi memastikan ketampanamaan. Sesi temu bual telah dirakamkan menggunakan pita rakaman. Temu bual mengambil masa 45 minit sehingga satu jam untuk setiap informan. Sesi temu bual juga ditemani dengan sukarelawan dari pertubuhan bagi tujuan keselamatan kepada pengkaji.

Teknik analisis data

Selepas mengumpulkan kesemua temu bual, pengkaji telah menukarkan rakaman ke dalam bentuk tanskrip. Hal ini kerana sebaik rakaman temubual dilakukan, adalah penting untuk menyalin rakaman ke dalam bentuk bertulis. Proses penyalinan temubual itu mengambil masa yang agak lama apabila audio perbualan yang dirakam harus dihentikan dan dimulakan semula supaya tidak terlepas mana-mana kosa kata dan bahasa. Proses penyalinan temu bual akan dilakukan secara manual dengan menggunakan perisian Microsoft Word. Dalam proses penyalinan semula rakaman temubual adalah perlu untuk menambah nota-nota yang dibuat sepanjang proses temubual. Kajian akan menggunakan perisian Atlas.ti versi 9 untuk mengekod dapatan secara analisis tematik.

Dapatan kajian

Profil demografi sosial informan kajian gelandangan bekas banduan

Kajian ini melibatkan seramai 15 orang informan yang terdiri gelandangan bekas banduan. Nama setiap informan dirahsiakan dan telah digantikan dengan nama samaran. Tindakan ini dilakukan untuk merahsiakan identiti informan. Tindakan ini penting kerana ia merupakan satu kajian sensitif yang melibatkan informan yang berisiko tinggi untuk dilabel negatif oleh masyarakat. Jadual 1 menunjukkan majoriti informan telah melalui kehidupan gelandangan melebihi setahun. Terdapat 4 informan yang telah menjadi gelandangan melebihi 20 tahun. Keadaan ini menunjukkan fenomena bekas banduan menjadi gelandangan sememangnya benar-benar berlaku di Malaysia. Kajian ini telah membuktikan kerevelenan untuk direkodkan secara sistematik agar menjadi panduan untuk kajian-kajian di masa akan datang. Pengkaji telah berusaha menyusun semua dapatan kajian berkaitan demografi ke dalam sebuah jadual bagi memudahkan pemahaman dan membuktikan tentang kepentingan kajian ini. Pengkaji telah memaparkan profil demografi sosial informan gelandangan bekas banduan ini dalam Jadual 1

Berdasarkan jadual 1, kajian menunjukkan dari 15 informan, 14 adalah lelaki manakala hanya seorang sahaja wanita. Umur informan adalah dari 30 hingga 80 tahun. Majoriti informan menunjukkan dari kalangan pengulanglaku jenayah. Hanya empat orang sahaja merupakan banduan kali pertama (*first time offender*). Seramai 12 orang informan didapati ditangkap disebabkan oleh jenayah dadah. Sembilan orang informan mempunyai masalah ketagihan dadah. Pengkaji mendapati rata-rata informan menunjukkan ketagihan yang tinggi pada dadah yang pelbagai termasuk ganja dan heroin. Hanya empat orang informan yang mengatakan mereka berhenti dari masalah ketagihan manakala hanya dua orang sahaja yang mengatakan tidak mempunyai sebarang ketagihan pada dadah. Menariknya untuk kajian ini, walaupun kehidupan mereka yang daif dan hidup sebagai gelandangan, namun sembilan orang informan mengatakan mereka tidak mempunyai sebarang penyakit kronik mahupun berjangkit. Kesemua sembilan informan ini mengatakan tidak pernah didiagnos dengan sebarang bentuk penyakit dari mana-

mana hospital atau pusat pemulihan yang pernah mereka menjalani tempoh hukuman. Ia suatu yang menarik kerana melihat daripada gaya hidup dan rekod sebagai penagih dadah ini.

Menurut jadual 1 lagi, lapan orang informan didapati ditolak oleh keluarga. Majoriti mereka memilih untuk tidak lagi mengganggu keluarga dengan keluar dari kampung halaman dan menetap di Kuala Lumpur sebagai gelandangan. Hanya seorang informan yang telah berkahwin manakala lapan orang informan adalah bujang dan selebihnya adalah duda atau janda. Kajian menunjukkan majoriti gelandangan bekas banduan telah hidup di jalanan dalam tempoh yang begitu panjang. Keadaan ini membawa kepada persoalan tentang sokongan dan bantuan yang telah diterima oleh mereka sepanjang dibebaskan dari penjara. Dua persoalan kajian yang dikaji adalah untuk mengenalpasti sokongan dan bantuan yang diterima serta keperluan asas yang diperlukan oleh mereka untuk keluar dari kehidupan jalanan. Pengkaji melampirkan dapatan ini kepada dua subtopik berbeza bagi membolehkan pemahaman yang jelas.

Sokongan dan bantuan yang diterima oleh gelandangan bekas banduan

Peralihan dari persekitaran yang bersifat institusi boleh menimbulkan masalah apabila bekas banduan ini tidak bersedia. Bekas banduan yang tidak mempunyai sistem sokongan yang berterusan berkemungkinan gagal untuk berintegrasi semula dalam masyarakat. Salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kegagalan berintegrasi semula adalah sistem sokongan sosial. Tahap sokongan yang diperlukan adalah berbeza dari seorang individu kepada individu yang lain, tetapi kebanyakan individu memerlukan sekurang-kurangnya serangkaian sokongan dalam membantu mereka berjaya berintegrasi semula. Sokongan dan bantuan lanjutan memainkan peranan penting yang disediakan oleh institusi penjara sendiri, masyarakat, rangkaian sosial, dan rakan-rakan. Sokongan sosial telah didapati menjadi komponen penting dalam penyelidikan mengenai kesihatan dan psikologi (Hochstetler, DeLisi, & Pratt, 2010) dan pengulangan jenayah (Cochran, 2014; Cobbina, Huebner, Berg, 2012; Martinez & Abrams, 2013; Taylor, 2012).

Hasil kajian mendapati majoriti bekas banduan yang dibebaskan ini tidak menerima sebarang sokongan dan bantuan. Keadaan ini telah menyukarkan bekas banduan untuk berintegrasi semula. Mereka mengatakan ketiadaan bantuan yang diterima selepas dibebaskan. Malahan, kesukaran untuk bekas banduan memohon bantuan juga menjadi satu faktor yang menyebabkan mereka tidak menerima bantuan. Keperluan melampirkan pelbagai dokumen menjadikan mereka tidak dapat memohon bantuan. Kehidupan di jalanan menyebabkan mereka tidak menyimpan atau mempunyai sebarang rekod dokumen seperti sijil lahir. Lebih malang lagi terdapat bekas banduan yang tidak mempunyai kad pengenalan menjadikan proses permohonan menjadi sangat mustahil. Malahan, terdapat informan yang mengatakan permohonan bantuan merupakan suatu proses birokrasi yang sangat ketat. Ia menjadikan mereka hidup tanpa sebarang bantuan dan terpaksa hidup di jalanan.

a. Tiada bantuan

Kajian telah menemubual informan tentang penerimaan bantuan selepas mereka dibebaskan, majoriti mengatakan mereka tidak menerima sebarang bantuan dari Jabatan Penjara Malaysia selepas dibebaskan. Keadaan ini menyebabkan kegagalan mereka untuk berintegrasi semula. Pengkaji berpendapat ia menjadi salah satu cabaran besar buat bekas banduan ini apabila tidak menerima sebarang bantuan untuk mereka kembali ke dalam komuniti.

Jadual 1. Profil demografi sosial informan gelandangan bekas banduan.

No.	Demografi Informan	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
1	Jalil	Lelaki	Melaka	56	Tingkatan 3	5 kali	Dadah	3 tahun	Bujang	Berhenti	Tiada	Penolakan keluarga
2	Yusuf	Lelaki	Kelantan	40	Tingkatan 3	4 kali	Dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	Tiada	Penolakan keluarga
3	Ilham	Lelaki	Kedah	33	Tingkatan 2	6 kali	Curi dan dadah	5 tahun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
4	Iman	Lelaki	Perak	56	Tingkatan 6	36 rekod	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga Isteri dipenjara di penjara Kajang
5	Halim	Lelaki	Perak	35	Darjah 6	1 kali	mencuri	2 tahun	Bujang	Tiada ketagihan	Tiada	Mak masih hidup. Ayah sudah meninggal
6	Shima	Perempuan	Sarawak	30	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	IC hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan keluarga/ disingkir oleh keluarga
7	Yusairi	Lelaki	Perak	36	Sijil Kemahiran	6 kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis C	Penolakan keluarga
8	Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga
10	Akbar	Lelaki	Kedah	53	Tingkatan 5	3 kali	Dadah	20 tahun	Bujang	Berhenti (sedang mengambil program methadone)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga

... bersambung

... sambungan Jadual 1

No.	Demografi Informan	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
11	Manaf	Lelaki	Selangor	59	Tingkatan 5	1 kali	Dadah	1 Tahun	Duda	Tidak mempunyai ketagihan	Tiada	Penolakan Keluarga
12	Naim	Lelaki	Kuala Lumpur	64	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)	Tiada	Informan menjauhkan diri dari keluarga.
13	Danish	Lelaki	Perak	80	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jualan ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Informan tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
14	Faiz	Lelaki	Melaka	59	Darjah 6	1 kali	Dadah	7 tahun (gelandangan)	Bujang	Berhenti	Asma	Informan tidak mahu menyusahkan keluarga.
15	Zamani	Lelaki	Kedah	31	Tingkatan 3	6 kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi (kesihatan mental?)	Adik beradik tidak boleh menerima informan

“saya tidak menerima sebarang bantuanlah sebaik dibebaskan, maksudnya memang sendirilah untuk hidup. Tiada bantuan yang diberikan oleh penjara sepanjang saya hidup di jalanan ini.”

(Halim / 17 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Sebenarnya tiada bantuan yang saya terima. Sememangnya kami dibebaskan begitu sahaja. Kami yang perlu memikir bagaimana untuk meneruskan hidup.”

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Saya tidak menerima apa bentuk bantuan untuk saya berintegrasi semula. Kebanyakan kami dibebaskan. Kami memang memilih untuk tinggal di Kuala Lumpur”

(Naim / 19 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Tiada bantuan yang diberikan sepanjang dibebaskan atau semasa saya hidup di jalanan. Kebanyakan bantuan harus dimohon sendiri. Selalunya kami akan mohon di JKM atau baitulmal. Dan sekali sekala bantuan yang kerajaan berikan menerusi BPN dan sebagainya. Bantuan yang spesifik dari penjara memang tidak ada.”

(Faiz/ 20 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

b. Kesukaran memohon bantuan

Pengkaji juga bertanya tentang permohonan bantuan dalam kalangan informan. Rata-rata mengatakan mengalami kesukaran untuk memohon bantuan yang disediakan. Bekas banduan perlu memohon sendiri bantuan yang ada terutama yang ditawarkan oleh Baitulmal, Jabatan Kebajikan Malaysia dan lain-lain dari pihak kerajaan. Namun demikian, bekas banduan mengatakan mengalami masalah dan kesukaran untuk memohon bantuan yang sedia ada. Mereka mengatakan kesukaran dalam memohon menjadikan proses yang begitu rumit. Berikut merupakan petikan temu bual yang mengatakan perkara ini:

“Bantuan ni... apa... banyak benda jugalah. Dia cakap dia nak biodata, macam-macam dia naklah. Kita tak dapat nak adakan. Saya pun lupa. Pastu dia nak nama anaklah, apa... dia punya surat beranaklah apa la, macam-macam nak. Kadang-kadang ada yang minta surat beranak dan kad pengenalan, kita jadi gelandangan, apa benda pun tak ada. Jadi macam tu, nak cari benda-benda tu makan masa. Masa tu kadang kadang ada, kadang kadang tak ada.”

(Azim / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Sebab apa tak dibantu... sebab saya terlibat dengan dadah, bila terlibat dengan dadah kita pun pahamlah mana ada pihak yang nak beri bantuan kan. Jadi saya memang tak ada terima apa-apa bantuan. Kita hendak berurusan dengan mereka pun menjadi sangat sukar. Belum lagi dia tengok kita ni macam mana”

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Permohonan yang memerlukan banyak maklumat yang saya sendiri memang tiada. Hidup sebagai gelandangan memang saya tidak menyimpan apa-apa dokumen. Kesemua telah hilang”

(Manaf/ 19 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

c. Kekangan birokrasi

Selain itu, pengkaji mendapati bekas banduan mengatakan tentang birokrasi apabila memohon bantuan dari agensi-agensinya kerajaan ini. Kebanyakan memerlukan dokumen sokongan yang pelbagai. Rata-rata mengatakan tentang masalah untuk memohon bantuan yang ada ini. Pihak agensi dan institusi meminta pelbagai dokumen sokongan yang menjadikan sukar untuk bekas banduan ini mendapatkan bantuan.

“Dekat Baitulmal adalah, mintak bantuan tapi dia kena dokumen ada banyak. Dia macam birokrasi”

(Azim / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Saya tengok proses dan prosedur yang rumit menyebabkan saya susah nak mohon bantuan yang ada. Kebanyakan memerlukan saya melampirkan dokumen dan surat menyurat. Akhirnya saya tidak dapat memohon”

(Akbar/ 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

Keperluan dan bantuan lanjutan yang boleh diberikan

Daripada dapatan kajian yang dikumpul, pengkaji telah meneroka keperluan asas yang diinginkan oleh bekas banduan ini untuk mereka keluar daripada kehidupan gelandangan dan berjaya berintegrasi semula. Terdapat lima bentuk keperluan asas yang dicadangkan oleh gelandangan bekas banduan ini. Majoriti informan mengatakan mereka memerlukan pekerjaan, tempat tinggal, bantuan kewangan, kad pengenalan dan bimbingan agama. Pengkaji melihat informan sememangnya menginginkan pekerjaan dalam mendapatkan sumber kewangan dan pendapatan untuk kelangsungan diri. Selain itu, informan juga mengatakan perlunya rumah untuk berteduh dan tidak lagi hidup di jalanan. Malahan, terdapat juga informan yang mengatakan memerlukan bantuan kewangan. Bagi informan yang mengalami kehilangan kad pengenalan, mereka memerlukan bantuan untuk mendapatkan kad pengenalan semula. Akhir sekali, terdapat juga informan yang mengatakan memerlukan bimbingan agama dalam membantu mereka mengubah diri. Pengkaji membincangkan dengan terperinci setiap bantuan lanjutan yang dicadangkan oleh gelandangan bekas banduan seperti berikut:

a. Peluang pekerjaan

Pengkaji mendapati majoriti informan mengatakan pekerjaan sebagai bantuan lanjutan yang diperlukan untuk mereka keluar daripada kehidupan di jalanan. Pengkaji melihat pekerjaan adalah penting kepada proses integrasi semula dan menunjukkan bahawa kerja yang stabil dapat mengurangkan insentif yang mengelakkan bekas banduan berakhir hidup menjadi gelandangan. Pekerjaan memberi bekas banduan rasa tujuan dan maksud hidup, sam bil menyediakan rutin dan mengurangkan pendedahan kepada situasi yang boleh menyebabkan menjadi gelandangan. Pekerjaan memberi faktor yang terbesar dalam mempengaruhi keputusan yang diambil oleh bekas banduan. Pekerjaan mampu membentuk sifat bertanggungjawab di dalam diri bekas banduan yang dibebaskan. Sedangkan pelbagai kajian lepas telah menekankan bahawa pekerjaan yang stabil penting kepada proses integrasi semula kerana ia mengurangkan inisiatif bekas banduan untuk terlibat semula dalam jenayah (Loeffler, 2013; Mears & Mestre, 2012; Savolainen, 2009). Berikut

merupakan antara petikan temu bual yang ditemui yang menyebut tentang keperluan pekerjaan untuk mengeluarkan mereka daripada kehidupan jalanan:

“Bagi saya pihak penjara perlu membantu dalam menyediakan pekerjaanlah kepada kami agar membolehkan kami keluar daripada kehidupan sebegini”

(Jalil / 16 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“saya sebenarnya memerlukan perkerjaan. Ia membolehkan saya mendapat pendapatan untuk mengubah nasib”

(Yusuf / 16 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Saya boleh kerja dan saya mahukan pekerjaan. Saya berharap kerajaan dapat membantu memberikan pekerjaan kepada saya”

(Iman / 17 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Biar letak diorang (bekas banduan) dalam komuniti pekerjaan dulu baru fikir ke belakang. Dengan ini, kita semua mendapatkan pekerjaan untuk hidup”

(Yusairi / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Bantuan bagi mereka yang tidak ada pekerjaan yang tetap. Bagilah mereka pekerjaan, yang mana kita boleh bantulah yang sesuai dengan kebolehan mereka. Kerajaan harus kenalpasti kebolehan yang ada pada bekas banduan dan memberi pekerjaan yang sesuai”

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Kerajaan sediakan pekerjaan kalau boleh pekerjaan yang halal.”

(Manaf / 19 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Saya punya cadanganlah minta kerajaan sediakan pekerjaan. Yang mana yang dah dihukum kat penjara ni, kalau boleh sekuriti tu jangan ada check (semak) rekod. Sebab dah dihukum”

(Faiz / 20 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

b. Bantuan tempat tinggal

Seterusnya, bantuan lanjutan yang dimohon oleh gelandangan bekas banduan ini adalah bantuan tempat tinggal. Hal ini kerana bagi mereka, menerusi pemberian tempat tinggal membolehkan mereka keluar daripada kehidupan di jalanan ini. Tempat tinggal yang selamat yang boleh jadi pelbagai termasuk bilik sewa, rumah sewa dan tempat perlindungan merupakan salah satu bentuk keperluan asas segera yang diperlukan sebaik bekas banduan dibebaskan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual yang menyebut tentang keperluan tempat tinggal ini:

“Saya memerlukan tempat tinggal”

(Yusuf / 16 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Kalau boleh, saya ingin bantuan rumah atau bilik ...”

(Ilham / 16 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Ada tempat , rumah. Bantu untuk rumah, keperluan cukuplah.”

(Iman /17 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Kalau boleh saya nak macam bilik tetap.”

(Shima / 17 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Haa bantu cari rumahlah, tempat tinggal. Kalau ada tempat tinggal kita rasa selesa sikit la, dan kalau boleh dah umur dah macam ni kan, kalau boleh dapat bantuan warga emas pun kira bagus jugaklah.”

(Azim / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Saya rasa yang paling penting sekali selain daripada yang asas makanan pakaian, yang ni pun termasuk tempat perlindungan... rumah.. Sebab apa kita fahamlah kalau makan pun sudah tidak ada rumah lagi tidak ada, sebab apa rumah ni basic (asas) yang paling besar. Saya rasa bagi yang bekeluarga itu yang paling penting sekali. Dan saya pun pernah mohon jugak rumah... PPR ni, untuk ..saya pernah mohon dan pemohonan saya tu lulus.”

(Rahim / 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

c. Bantuan kewangan

Pengkaji juga mendapati terdapat beberapa informan yang menyebut tentang keperluan bantuan kewangan dalam membantu mereka keluar daripada kehidupan jalanan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual seperti berikut:

“Saya memerlukan bantuan yang berbentuk kewangan.”

(Yusuf/ 16 September 2020/ Lokasi : Persatuan Ar-Riqab)

“Saya inginkan bantuan bulanan JKM.”

(Ilham / 16 September 2020/ Lokasi Persatuan Ar-Riqab)

“Apa yang saya perlukan sangat buat masa ini adalah bantuan kewangan kepada saya.”

(Rahim/ 18 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Paling yang saya perlukan sekarang ini bantuan yang berbentuk kewangan. Hal ini kerana hidup saya sangat miskin dan susah. Saya sememangnya perlu kewangan untuk keluar dari hidup sebegini.”

(Zamani/ 20 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

d. Bantuan penggantian kad pengenalan

Bekas banduan juga didapati sering mengalami masalah dari segi pemilikan dokumen pengenalan diri. Rata-rata bekas banduan yang hidup gelandangan mengalami masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri akibat tercicir, hilang disebabkan kecurian dan sebagainya. Bagi bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan dan mencari perumahan, pengenalan rasmi diperlukan. Hal ini merupakan halangan bagi ramai banduan yang kembali kerana dokumen seperti lesen memandu, kad keselamatan sosial, dan sijil kelahiran tidak lagi dalam pemilikan mereka. Kajian oleh Luther

et al. (2011) mengatakan usaha untuk mendapatkan pengenalan diri seperti sijil kelahiran, kad Keselamatan Sosial dan lesen pemandu atau kad pengenalan negeri sebagai suatu cabaran yang penting. Pengkaji melampirkan petikan temu bual yang menyebut tentang keperluan bantuan kad pengenalan:

“Dengan IC (kad pengenalan) saja. Macam bilik tetap dan IC (kad pengenalan) saja sudah bagus, untuk memudahkan saya. Itu saja.”

(Shima / 17 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Saya kalau boleh ingin mendapatkan kad pengenalan saya balik. Dengan itu memudahkan saya membuat urusan yang memerlukan kad pengenalan.”

(Naim/ 19 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Saya sangat berharap sekiranya saya dapat memperolehi semula kad pengenalan saya yang telah lama hilang. Saya pun tidak mempunyai duit yang banyak untuk membuat semula kad pengenalan tersebut.”

(Zamani/ 20 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

e. Bantuan bimbingan agama

Pengkaji mendapati terdapat informan yang menyebut tentang bantuan bimbingan agama dalam membantu mengeluarkan mereka daripada kehidupan bergelandangan. Pengkaji melihat dapat ini sangat menarik direkodkan kerana ia suatu yang tidak dijangka. Pengkaji memanjangkan bantuan-bantuan yang akan disebutkan atau diinginkan akan dalam berbentuk fizikal. Namun jangkaan pengkaji meleset apabila terdapat beberapa informan yang menyebut tentang bantuan bimbingan agama. Pengkaji melampirkan petikan temu bual seperti berikut:

“Bimbing mereka tulah, dari sudut agama semua. Bimbing. Maksudnya ada kelas agama jugaklah bukan sekadar tempat tinggal.”

(Manaf / 19 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Perlu tingkatkan lagi la pengisian agama. Tingkatkan lagi agama. Bukan kata apa dalam penjara ni kita terkurung. Bila keluar tu. Kita kena ada agama. NGO ke apa buat lagi pengisian agama, buat satu macam, panggil bagi makanan apa semua, panggil belajar agama. Panggil ustaz apa semua. Tak banyak, sikit kita akan dapat. itu bagi pakciklah.”

(Danish / 20 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

“Macam saya cakap tadilah. Beri satu bentuk peluang, bimbing, berikan tempat tinggal.. Bimbing untuk kita kerja.”

(Zamani / 20 September 2020/ Lokasi: Persatuan Ar-Riqab)

Kesimpulan

Peningkatan tumpuan kepada reka bentuk program intervensi integrasi semula bekas banduan untuk kembali ke dalam masyarakat atau bantuan untuk mengeluarkan bekas banduan daripada

kehidupan jalanan memerlukan keprihatinan pihak Jabatan Penjara Malaysia dan agensi kerajaan yang lain dengan segera. Kajian ini membuktikan bahawa ketiadaan bantuan dan sokongan yang disediakan kepada bekas banduan sepanjang dibebaskan telah menyukarkan proses integrasi semula bekas banduan dan membuatkan sebahagian mereka berakhir menjadi gelandangan. Keadaan ini membawa kepada pengenalpastian bantuan lanjutan yang boleh dilaksanakan termasuk mendapatkan pekerjaan yang stabil, mencari tempat tinggal yang sesuai, bantuan kewangan, membuat penggantian kad pengenalan dan bantuan bimbingan agama. Pengkaji menjangkakan intervensi bantuan lanjutan seperti ini sekurang-kurangnya boleh membantu proses integrasi semula bekas banduan dan membantu mereka menjadi seorang yang produktif apabila berada di dalam komuniti.

Penghargaan

Pengkaji memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran kolej dengan no. kod S/O 14621 sebanyak RM 5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini

Rujukan

- Atkin, C. A., & Armstrong, G. S. (2011). Does the concentration of parolees in a community impact employer attitudes toward the hiring of ex-offenders? *Criminal Justice Policy Review*, 24(1), 71-93.
- Bales, W., & Mears, D. (2008). Inmate social ties and the transition to society: Does visitation reduce recidivism? *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 45(3), 287-321.
- Brown, A. S. (2016). Ex-convicts in a dilemma of reintegration: A study of Uyo, South-South Nigeria. *International Journal of Social Sciences*, 10(4), 81-91.
- Cobbina, J., Huebner, B., & Berg, M. (2012). Men, women, and post release offending: An examination of the nature of the link between relational ties and recidivism. *Crime and Delinquency*, 58(3), 331-61.
- Cochran, J. (2014). Breaches in the wall: Imprisonment, social support, and recidivism. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 51(3), 200-229.
- Cochran, J., Mears, D., Bales, W., & Stewart, E. (2012). Does inmate behavior affect post-release offending? Investigating the misconduct-recidivism relationship among youth and adults. *Justice Quarterly*, 31(6), 1044-1073.
- Cullen, F. T. (2012). Taking rehabilitation seriously: Creativity, science, and the challenge of offender change. *Punishment and Society*, 14, 94-114. <https://doi.org/10.1177/1462474510385973>
- Emmerij, L. (2010). The Basic Needs Development Strategy. Background paper, World Economic and Social Survey, 2010. Diambil dari http://www.un.org/en/development/desa/policy/wess/wess_bg_papers/bp_wess2010_emmerij.pdf.
- Gideon, L. (2007). Family role in the reintegration process of recovering drug addicts: A qualitative review of Israeli offenders. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 51(2), 212-226.
- Harding, D. J., Wyse, J. J. B., Dobson, C., & Morenoff, J. D. (2014). Making ends meet after prison. *Journal of Policy Analysis and Management*, 33(2), 440-470.

- Hochstetler, A., DeLisi, M., & Pratt, T. (2010). Social support and feelings of hostility among released inmates. *Crime & Delinquency*, 56(4), 588–607.
- Jabatan Penjara Malaysia (2020). Jumlah banduan pengulanglaku jenayah, 2010-2019. Diambil dari <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/kepenjaraan>
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar, N., & Azman, Z. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 87-101.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2020) Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415-430.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24-36.
- Johnson, G., & Moschion, J. (2019). Ex-prisoners are more likely to become homeless but the reverse isn't true. Diambil dari <https://phys.org/news/2019-04-ex-prisoners-homeless-reverse-isnt-true.html>
- Loeffler, C. (2013). Does imprisonment alter the life course? Evidence on crime and employment from a natural experiment. *Criminology*, 51(1), 137-166.
- Luther, J. B., Reichert, E. S., Holloway, E. D., Roth, A. M., & Aalsma, M. C. (2011). An exploration of community reentry needs and services for prisoners: A focus on care to limit return to high-risk behavior. *AIDS Patient Care and STDs*, 25(8), 475-481.
- Martinez, D., & Abrams, L. (2013). Informal social support among returning young offenders: A metasynthesis of the literature. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 57(2), 169–190.
- Mears, D., & Mestre, J. (2012). Prisoner reentry, employment, signaling, and the better identification of desisters: Introduction to the special issue. *Criminology and Public Policy*, 11(1), 5-15.
- O'Donoghue, J. (2018). People released from prison are 10 times more likely to be homeless. Diambil dari https://www.nola.com/news/politics/article_513e3074-5cde-5ec7-88a9-7c14a04f82dd.html
- Petersilia, J. (2009). When prisoners come home: Parole and prisoner reentry. Oxford: Oxford Press.
- Prison Fellowship (2017). Needs of ex prisoner. Diambil dari <https://www.prisonfellowship.org/wp-content/uploads/2017/09/Needs-of-Ex-Prisoners-2017.pdf>
- Savolainen, J. (2009) Work, family and criminal desistance. *British Journal of Criminology*, 49(3), 285-304.
- Taylor, C. (2012). Family support and the successful reentry of formerly incarcerated individuals. Doctoral dissertation. Philadelphia, PA: Temple University.
- Thompkins, D. (2010). The expanding prisoner reentry industry. *Dialectical Anthropology*, 34(4), 589-604.
- Travis, J. (2004). Reentry and reintegration: New perspectives on the challenges of mass incarceration. Dlm Patillo, M., Weiman, D.F. & Western, B. (pnyt.). *Imprisoning America: The Social Effects of Mass Incarceration*. (hlm. 247-268). New York, NY: Russell Sage.
- Wheeler, D., & Patterson, G. (2008). Prisoner reentry. *National Health Line*, 33(2), 145-147.
- Williams, S., & Stickley, T. (2011). Stories from the streets: People's experiences of homelessness. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 18(5), 432-439.